



KERATAN AKHBAR 3 December 2015

Akbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Keputusan tak yakinkan pembeli
Muka Surat	:	39

Keputusan tak yakinkan pembeli

Perjumpaan yang diadakan belum capai kata putus berikutan pemaju berada di luar negara

SUNGAI MERAB - Masalah pembeli rumah di kawasan berhampiran Kajang yang terpaksa menanti kerja pembinaan siap masih lagi tidak dapat diselesaikan oleh pihak pemaju.

Malah, perjumpaan bersama wakil pemaju semalam masih tidak mempunyai keputusan rasmi berikutan pemaju yang sepatutnya berada di lokasi dimaklumkan berada di luar negara.

Adun Dengkil, Shahrum Mohd Sharif berkata, perjumpaan bersama sebahagian pembeli rumah dan wakil pemaju masih belum mendapat apa-apa keputusan yang boleh meyakinkan pembeli.

Menurutnya, beliau yang turut meninjau keadaan persekitaran rumah hairan dengan beberapa aspek kerja pembinaan yang dilihat bagai melepaskan batuk di tangga apabila tidak disiapkan sepenuhnya.

"Saya tak nampak kerja-kerja pembinaan dapat disiapkan dalam tempoh yang diberikan iaitu Januari 2016.

"Pembeli juga meluahkan rasa tak puas hati berikutan beberapa ciri-ciri keselamatan dilihat seperti dilakukan tanpa mengikut spesifikasi yang ditetapkan," katanya kepada Sinar Harian di lokasi semalam.

Shahrum berkata, beliau kecewa apabila terdapat pemaju yang melengah-lengahkan pembinaan walaupun berjanji kepada pembeli rumah tersebut bakal siap sepenuhnya pada 2013.

Adun mahu jumpa pemaju

Shahrum yang men-

dengar sendiri keluhan sebahagian pembeli di lokasi perumahan tersebut memaklumkan, beliau mahu berjumpa sendiri dengan pemaju bagi menyelesaikan masalah.

Katanya, beliau tidak mahu berjumpa mana-mana wakil tetapi berjumpa dengan individu yang boleh membuat keputusan bagi memberi jawapan isu pembinaan rumah di sini.

"Masalah pembeli ini perlu diselesaikan cepat sebab kebanyakan mereka beli rumah tersebut sebagai rumah pertama dan mereka malah ada di antara mereka masih tinggal di rumah kuarters akibat rumah tak siap.



Shahrum meninjau kolam tadahan banjir yang tidak berpagar.



MOHD HELMI



MOHD ROSLI



SHAHRUM

Menurutnya, beliau berjanji memanjangkan masalah tersebut kepada pihak pengurusan.

"Saya mengakui memang terdapat kelewatan termasuk kerja-kerja akhir pembinaan rumah tetapi kesemua kerja pembinaan masih dalam pembinaan.

"Projek ini pun bukanlah terbelakali tetapi masih berjalan cuma ada masalah yang perlu diselesaikan," katanya mengulas mengenai rungutan sebahagian pembeli di lokasi, semalam.

Mohd Helmi berkata, beliau berharap pembeli dapat bersabar dan memberi kerjasama kepadanya untuk memanjangkan perkara itu kepada pihak atasan.

Buat masa ini katanya, dia akan memastikan kerja pembinaan masih berjalan seperti biasa.

Akan terus perjuangkan hak

Seorang pembeli, Mohd Afzal Salleh, 31, berkata, pelbagai masalah sudah diadukan kepada wakil pemaju, wakil rakyat dan pelbagai pihak dalam memberi peluang kepada pembeli menikmati rumah baharu itu.

Katanya, dia mahu segala rungutan diambil tindakan dan tidak dibarengkan berpanjangan sekali gus menegakkan perkara itu sentiasa akan dipanjangkan sehingga projek perumahan itu siap.

"Sebelum ini masalah sama telah diluahkan melalui akhbar dan harap sangat dapat selesai segera.

"Selain masalah pembinaan, kolam tadahan banjir berhampiran rumah di kawasan taman permainan juga perlu diambil perhatian supaya tiada risiko kemalangan berlaku disebabkan kawasan itu tidak dipagar," katanya.

Bagi Pengerusi Jawatankuasa Bertindak, Mohd Rosli Badri, 56, berkata, dia perlu bergerak demi membantu semua pembeli kerana kebanyakannya mereka kakitangan kerajaan yang baharu pertama kali membeli rumah.

Katanya, disebabkan rumah lambat disiapkan, terdapat daripada mereka terpaksa menyewa dan turut berdepan dengan pemotongan gaji anggaran RM1,000 sebulan untuk pembelian rumah tersebut.

"Keadaan itu sebenarnya menimbulkan masalah kewangan terhadap mereka dan pelbagai masalah lain disebabkan kelewatan rumah yang dijanjikan siap pada 2013," katanya.

Sebelum ini, Sinar Harian siaran 28 November lalu menerusi artikel "Kami dah penat tunggu" melaporkan mengenai lebih 20 pembeli mewakili 161 unit rumah terpaksa menunggu projek perumahan mereka siap sepenuhnya.

Pelbagai alasan diberikan pihak pemaju apabila rumah teres satu dan dua tingkat yang dijangka siap April 2013 masih lagi dalam pembinaan.

Kebanyakan pembeli meluahkan rasa tidak puas hati kerana unit perumahan yang dibeli itu tidak dibina secara konsisten malah pelbagai pembinaan masih lagi tergendala.



Lokasi kolam tadahan banjir berhampiran rumah pembeli.



Mohd Afzal menunjukkan kerja-kerja pemasangan kabel dipercayai tidak mengikut spesifikasi.